

Headline **Peserta lelaki rebut gelaran'raja cantik'**  
Date **17 Dec 2009**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Dunia**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **L-43**  
Article Size **108 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **1,473**  
PRValue **4,418**



## Peserta lelaki rebut gelaran 'raja cantik'

**T**AIPEI: Peserta dari 28 negara akan bertanding untuk merebut takhta sebagai lelaki paling kacak dunia selepas hampir dua minggu mereka berlatih menari dan menguatkan otot dalam satu pertandingan yang menjadi semakin popular.

"Wanita boleh lakukan, jadi lelaki juga boleh. Seseengah pertandingan babitkan wanita diberi liputan negatif tetapi pertandingan ini mungkin lebih konservatif," kata Christine Huang, penganjur acara itu.

Penerbit acara, 'Mister Singapore Organization', mengadakan acara tahunan 'Mister International' sejak 2006 terutama untuk meningkatkan kesedaran HIV/AIDS, walaupun tiada agenda khusus AIDS dijadualkan tahun ini, kata Huang.

Peserta pertandingan termasuk pelajar bahasa Russia berusia 19 tahun, Jelson Quintas dari Angola, Bruno Kettels dari Bolivia, 20 tahun dan saintis perubatan dari Singapura, Nelson Lee, 22.

"Wanita boleh bersaing dari segi kecantikan, jadi saya percaya lelaki boleh lakukannya juga. Lelaki juga boleh cantik," kata Lee yang bersedia untuk bercakap kepada media berbanding calon lain dan membincangkan perkara yang lebih diutamakan otot atau rupa.

Penyandang 'raja cantik', Ngo Tien Doan dari Vietnam akan menganugerahkan takhta kepada penggantinya dalam majlis Sabtu ini yang bakal dihadiri 500 orang. Peserta akan menerima hadiah wang tunai AS\$5,000 (RM17,500), khidmat jurulatih peribadi dan barangan kecantikan.

Dalam pertandingan ini, peserta akan melakukan lawatan ke hospital kanak-kanak buta dan mengadakan sidang media di satu daripada kawasan peranginan air panas terkemuka di pulau itu.

"Saya beritahu peserta mengenai peri laku dan bagaimana untuk menang," kata Mohammad Chamseddine, 27, seorang juri dari Lubnan. - Reuters